

UNIT 9

SUKAN KEBANGGAAN MALAYSIA



Sinopsis

Pembangunan sukan di negara kita berlaku secara terancang menerusi pelibatan pelbagai pihak. Unit ini membincangkan pencapaian Malaysia dalam bidang sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta peranan sukan sebagai alat perpaduan. Selain itu, unit ini juga menjelaskan peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa dan pelibatan tokoh sukan yang menjadi inspirasi masyarakat dalam bidang sukan pada masa ini.



Apakah yang akan anda pelajari?

- 1 Pencapaian Malaysia dalam bidang sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 2 Peranan sukan sebagai alat perpaduan.
- 3 Peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa.
- 4 Pelibatan tokoh sukan negara terdahulu yang menjadi inspirasi kepada sukan masa ini.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

- 1 Meneroka bukti signifikan pencapaian Malaysia dalam bidang sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 2 Menguasai elemen asas sejarah berkaitan dengan peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa.
- 3 Melihat perubahan dan kesinambungan pelibatan tokoh sukan negara terdahulu dengan pembangunan sukan pada masa ini.



Nilai Teras Sivik

- Kegembiraan
- Bertanggungjawab



Detik bersejarah
sukan Malaysia

IMBAS SAYA



Pencapaian Sukan Kebanggaan Malaysia

Pencapaian hebat bidang sukan negara bermula pada peringkat kebangsaan dan cemerlang pada peringkat antarabangsa. Pencapaian ini diperoleh daripada penganjuran pertandingan sukan dan peranan persatuan-persatuan sukan pada peringkat kebangsaan.





AKTIVITI

Secara berkumpulan, kumpulkan maklumat tentang perkembangan sukan yang anda minati. Bentangkan secara kreatif dalam bentuk carta alir.



12.3.1

NOTA GURU

- Bimbing murid melihat perubahan dan kesinambungan pelibatan tokoh sukan negara terdahulu dengan pembangunan sukan pada masa ini.

Atlet-atlet Kebanggaan Negara

Negara kita berjaya melahirkan atlet daripada pelbagai kaum yang cemerlang dalam bidang sukan. Pencapaian mereka hingga peringkat antarabangsa menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Lee Chong Wei

- Pemegang gelaran pemain badminton nombor satu dunia bagi tahun 2006, 2008, 2012 dan 2013.
- Juara Perseorangan Lelaki Terbuka All England sebanyak empat kali.
- Dinobatkan Anugerah Pemain Lelaki Terbaik sebanyak lima kali oleh Persekutuan Badminton Dunia (BWF).

Nicol Ann David

- Pemegang gelaran pemain skuasy wanita nombor satu dunia paling lama, iaitu selama 108 bulan.
- Menjuarai Kejohanan Terbuka Dunia sebanyak lapan kali dan pernah mengungguli Kejohanan Terbuka British, Terbuka Hong Kong serta Qatar Klasik.
- Dinobatkan Anugerah Atlet Terunggul Sepanjang Zaman Sukan Dunia 2021.

S. Kuhan

- Penjaring terbanyak Liga Hoki Malaysia tahun pada 1997, 1999 dan 2003.
- Merupakan ketua pasukan hoki Malaysia dari tahun 2000 hingga tahun 2006.
- Mewakili negara sebanyak 341 kali dalam pelbagai kejohanan utama hoki seperti Piala Dunia, Sukan Olimpik, Cabaran Juara-Juara, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Piala Asia.

Pandelesa Rinong anak Pamg

- Atlet sukan terjun papan anjal dan merupakan penyumbang pingat gangsa pertama bagi negara dalam Sukan Olimpik London 2012.
- Atlet wanita pertama sebagai pembawa bendera kontinjen Malaysia dalam upacara pembukaan Sukan Olimpik.
- memenangi pingat emas Kejohanan Piala Dunia Terjun FINA, Tokyo 2021.

CEPAT JAWAB

Nyatakan atlet negara yang cemerlang dalam sukan skuasy.

AKTIVITI

Secara berkumpulan, bincangkan pelibatan pelbagai kaum mengharumkan nama negara dalam bidang sukan.

Mohd Azizulhasni Awang

- Pemegang gelaran nombor satu dunia dalam acara pecut individu lumba basikal pada bulan Februari tahun 2021.
- Penyumbang pingat emas dalam acara Kejohanan Dunia Berbasikal Trek UCI 2017 di Hong Kong.
- Pelumba basikal pertama negara berjaya meraih pingat gangsa di Olimpik Rio 2016 dan pingat perak di Olimpik Tokyo 2020.
- Digelar "The Pocket Rocketman".



Team Secret MY (e-Sukan Malaysia)

- Mewakili negara dalam e-sukan Kejohanan Final Global PUBG Mobile (PMGC) 2021.
- Anggota pasukan terdiri daripada Raymond Tan Boon Sheng, Aekachai Areesanan, Ahmad Fuad Razali, Muhammad Hashim dan Muhammad Danish Yusniza.
- Menduduki tempat ketujuh terbaik dunia.



Nurul Huda Abdullah @ Ch'ng Shu Lin

- Atlet renang negara dengan pencapaian rekod cemerlang:
 - ★ Tujuh pingat emas dalam Sukan SEA Bangkok 1985.
 - ★ Tujuh pingat emas dalam Sukan SEA Jakarta 1987.
 - ★ Lapan pingat emas dalam Sukan SEA Kuala Lumpur 1989.



Abdul Malek Mohamed Noor

- Mengharumkan nama negara dalam sukan bina badan.
- Memenangi enam kali gelaran "Mr. Asia" kategori heavyweight.
- Dianugerahkan gelaran Olahragawan Negara tahun 1986 dan anugerah Olahragawan Kebangsaan tahun 1991.



PAK-21 Fikir-Pasangan-Kongsi (Think-Pair-Share)

1. Bentukkan beberapa buah kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mencari maklumat berkaitan dengan kepentingan mengamalkan etika dan nilai baik dalam kejohanan sukan.
3. Bandingkan jawapan anda dengan kumpulan lain.



Atlet kebanggaan negara

IMBAS SAYA

NOTA GURU

Sumber: Mohd Sofi Munajir, 20 Tokoh Sukan, Siri Tokoh Malaysia. Selangor: Penerbit Medium Publications.

◉ Bimbing murid mengenali atlet sukan kebanggaan Malaysia.



12.3.1
K12.3.7

Kegemilangan sukan negara kita turut diraih menerusi kecemerlangan atlet paralimpik. Kesungguhan yang dipamerkan melalui slogan "Kami Luar Biasa" berjaya mengukir nama Malaysia pada peringkat antarabangsa.

ATLET CEMERLANG SUKAN PARALIMPIK



Muhammad Ziyad bin Zolkefli

- ★ Meraih pingat emas acara lontar peluru F20 kategori masalah pembelajaran pada Sukan Paralimpik RIO 2016.
- ★ Memecah rekod dunia dengan catatan 16.84 meter.



**Mohamed Ridzuan bin
Mohamed Puzi**

- ★ Meraih pingat emas dalam acara 100 meter T36 kategori *cerebral palsy* pada Sukan Paralimpik RIO 2016.
- ★ Atlet pertama negara yang dinobatkan sebagai Atlet Para (Lelaki) Terbaik Asia Tahun 2018.



Bonnie Bungau Gustin

- ★ Meraih pingat emas dan memecah rekod dunia dalam acara angkat berat di Kejohanan Piala Dunia Para Powerlifting Fazza Dubai 2021.
- ★ Meraih pingat emas dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020.



Abdul Latif bin Romly

- ★ Meraih pingat emas pada Sukan Paralimpik RIO 2016 dalam acara lompat jauh T20 kategori kurang upaya intelektual dengan lompatan sejauh 7.60 meter yang merupakan satu catatan baharu rekod dunia.
- ★ Meraih pingat emas dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Pelibatan atlet pelbagai kaum dalam mencipta kejayaan hingga peringkat antarabangsa telah mengharumkan nama negara. Kita harus berasa bangga apabila bendera negara berkibar megah dalam temasya sukan peringkat dunia.

Sukan Alat Perpaduan dan Keharmonian Kaum

Penganjuran sukan di Malaysia melibatkan pelbagai kaum telah mewujudkan perpaduan. Aktiviti sukan pada peringkat sekolah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa menjadi alat yang dapat memupuk semangat perpaduan.

1

- ★ Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) diperkenalkan pada tahun 2005.
- ★ Kerjasama melakukan aktiviti sukan antara sekolah dapat mewujudkan perpaduan murid pelbagai kaum.



2

- ★ Dasar 1Murid 1Sukan (1M1S) bermula pada tahun 2011.
- ★ Setiap murid terlibat dalam sekurang-kurangnya satu bidang sukan.
- ★ Semangat kesukanan ini memupuk perpaduan.



3

- ★ Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) yang dianjurkan setiap tahun menjadi medan atlet remaja mengembangkan bakat sukan mereka.
- ★ Pembangunan sukan yang terancang ini akan membawa pembentukan perpaduan masyarakat Malaysia.



Sumber: bsukanspmoe.com/bsmssm



4

- ★ Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) merupakan sukan terbesar dalam negara yang dianjurkan secara bergilir-gilir oleh setiap negeri.
- ★ Pelibatan atlet pelbagai kaum yang mewakili setiap negeri berjaya membentuk masyarakat yang harmoni.
- ★ Atlet yang berpotensi tinggi berpeluang untuk mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa.



SUKMA pertama 1986.
Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia.

5

- ★ Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) merupakan kejohanan sukan yang dikhususkan kepada atlet pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).
- ★ Pelibatan atlet pelbagai kaum dapat memperkukuh perpaduan serta keharmonian.



Perpaduan dan keharmonian kaum yang terbentuk menerusi sukan menjadi pendorong kepada pembangunan negara kita.

6

- ★ Sukan Paralimpik ialah temasya sukan bagi Orang Kurang Upaya (OKU).
- ★ Diadakan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- ★ Temasya sukan ini menyuntik semangat perpaduan kaum.



Mengapakah kejohanan sukan penting kepada pembangunan negara?



CEPAT JAWAB

Nyatakan temasya sukan terbesar di negara kita.





Sukan Antarabangsa di Malaysia

Malaysia terlibat dalam temasya sukan pada peringkat antarabangsa. Negara kita diberikan kepercayaan sebagai tuan rumah penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kerana memiliki infrastruktur sukan yang lengkap.

Sukan SEA

- ★ Negara kita menjadi tuan rumah Sukan SEA pada tahun 1965, 1971, 1977, 1989, 2001 dan 2017.
- ★ Pada tahun 1965 hingga tahun 1971 penganjuran ini dikenali sebagai Kejohanan Sukan SEAP.
- ★ Penganjuran kejohanan ini merapatkan hubungan antara negara serantau.



Athlet Malaysia semasa pembukaan Sukan SEA pada tahun 2017 di Kuala Lumpur.

Sumber: Astro Awani.



TAHUKAH ANDA?

Sukan SEAP (Southeast Asian Peninsular Games) mula dipertandingkan pada tahun 1959 dan pada tahun 1977 dikenali sebagai Sukan SEA (Southeast Asian Games).





Piala Thomas

- ★ Penganjuran kejohanan badminton Piala Thomas berlangsung di negara kita sebanyak enam kali.
- ★ Berlangsung dengan jaya dan meriah pada tahun 1970, 1984, 1988 dan 1992 di Stadium Negara, Kuala Lumpur.
- ★ Berlangsung pada tahun 2000 dan 2010 di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
- ★ Penganjuran kejohanan ini membawa imej gemilang kepada negara.

Hoki Piala Dunia

- ★ Tuan rumah kepada dua edisi Kejohanan Hoki Piala Dunia.
- ★ Berlangsung di Stadium Merdeka pada tahun 1975 yang melibatkan persaingan daripada 12 buah negara.
- ★ Berlangsung di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil pada tahun 2002 dengan jumlah penyertaan terbanyak, iaitu 16 buah negara.
- ★ Penganjuran kejohanan ini mendorong pembangunan sukan hoki di negara kita.



Sukan Permotoran

SBK
SUPERBIKE
FIM WORLD CHAMPIONSHIP

- ★ Diberikan kepercayaan menjadi tuan rumah sukan permotoran antarabangsa bermula pada tahun 1991.
- ★ Sukan permotoran yang dianjurkan ialah:
 - Grand Prix Motorcycle Racing (MotoGP).
 - Superbike World Championship (SBK).
- ★ Penganjuran sukan ini menandakan pendapatan negara.

Le Tour de Langkawi



- ★ Penganjuran kejohanan lumba basikal antarabangsa ini merupakan acara tahunan di negara kita bermula pada tahun 1996.
- ★ Nama kejohanan ini diambil bersempena dengan lokasi pelepasan perlumbaan, iaitu di Pulau Langkawi, Kedah.
- ★ Laluan kejohanan ini yang menjelajah ke seluruh negara telah membantu kita mempromosikan destinasi pelancongan di Malaysia.

Sukan Komanwel



- ★ Malaysia merupakan negara Asia pertama menjadi tuan rumah Sukan Komanwel, iaitu pada tahun 1978.
- ★ Stadium Nasional Bukit Jalil menjadi stadium utama kejohanan.
- ★ Imej Orang Utan dipilih sebagai maskot dan bunga raya menjadi logo kejohanan.
- ★ Penganjuran kejohanan ini berjaya memupuk semangat setia kawan sesama anggota negara Komanwel.



Formula One dan Formula E



- ★ Menjadi tuan rumah Formula One sejak tahun 2000.
- ★ Berlangsung di Sepang International Circuit (SIC) yang merupakan litar perlumbaan bertaraf dunia.
- ★ Penganjuran sukan antarabangsa Formula E diadakan di Putrajaya pada tahun 2014.
- ★ Penganjuran perlumbaan ini menarik kehadiran peminat sukan permotoran dari seluruh dunia.



Piala Monsun

- ★ Menjadi tuan rumah siri kejohanan sukan perahu layar sejak tahun 2005.
- ★ Lokasi pertandingan di Pulau Duyong, Terengganu.
- ★ Penganjuran di negara kita merupakan acara penutup dalam kalendar kejohanan tersebut.



Peranan Malaysia sebagai tuan rumah sukan bertaraf antarabangsa menjadikan negara kita dikenali pada peringkat dunia. Peranan ini memberikan kebaikan kepada Malaysia kerana dapat menarik kedatangan pelancong luar negara. Kemasukan pelancong luar ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita.



PAK-21 Penulisan Pantas (Rocket Writing)

Berdasarkan maklumat tersedia, dalam masa tiga minit anda diminta menyenaraikan faedah penganjuran sukan antarabangsa kepada negara. Laporkan.



12.3.3
K12.3.6

NOTA GURU

- Bantu murid menjelaskan peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa.



TAHUKAH ANDA?

Kejohanan Pestabola Merdeka (1957-2013)

- Malaysia menganjurkan kejohanan ini sebagai memperingati hari kemerdekaan negara.
- Melibatkan pasukan dari negara jiran dan Asia seperti Korea Selatan serta Eropah seperti Republik Czechoslovakia.
- Malaysia muncul sebagai juara sebanyak 10 kali.



Tokoh Inspirasi Sukan Negara

Kejayaan dalam pembangunan sukan negara hingga peringkat antarabangsa merupakan hasil kegigihan dan kerjasama kepimpinan sukan serta atlet negara.

Tokoh-tokoh pemimpin sukan negara yang dilantik memegang jawatan penting dalam organisasi sukan telah mengharumkan nama Malaysia.



**Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibnu Almarhum
Sultan Yussuf Izzuddin Shah**

- ★ Baginda dikenali sebagai "Bapa Hoki Malaysia" atas sumbangan dalam kemajuan sukan hoki negara.
- ★ Dilantik sebagai Presiden Persekutuan Hoki Malaysia (1985-2004).
- ★ Naib Presiden Federation International Hockey (FIH) (1992-2000).
- ★ Atas inisiatif baginda, Kejohanan Hoki Piala Sultan Azlan Shah yang disertai oleh lapan pasukan terbaik dunia dipertandingkan di negara kita sejak tahun 1992.

Dato' Peter Velappan

- ★ Penolong Setiausaha Agung FAM (1963-1980).
- ★ Setiausaha Agung Asian Football Confederation (AFC) (1978-2007).
- ★ Pengurus dan jurulatih pasukan bola sepak negara dalam pusingan kelayakan Sukan Olimpik 1972.
- ★ Pengarah Koordinasi Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Piala Dunia (FIFA) pertama di Asia (2002) yang diadakan di Jepun dan Korea Selatan.



Dato' Sieh Kok Chi

- ★ Bermula sebagai atlet polo air negara dengan kejayaan menyumbangkan pingat perak dalam edisi Sukan SEAP 1965, 1967 dan 1969.
- ★ Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM) (1992-2015).
- ★ Ketua Kontinjen Malaysia ke Sukan SEA di Brunei (1999).
- ★ Ahli Kehormat Persekutuan Sukan SEA (2002).



Kita perlu menghargai jasa dan sumbangan atlet sukan terdahulu yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam mengharumkan nama negara.



Dr. M. Jegathesan

- Atlet sukan pecut negara yang digelar "Manusia Terpantas Asia".
- ★ Mewakili negara dalam tiga kejohanan Sukan Olimpik pada tahun 1960, 1964 dan 1968.
- ★ Memenangi tiga pingat emas pada Sukan Asia Bangkok 1966 dalam acara 100 meter, 200 meter dan 4x100 meter.



M. Rajamani

- Atlet olahraga wanita negara yang mencatatkan pencapaian cemerlang dalam acara 200 meter, 400 meter, 800 meter dan 4x100 meter pada peringkat antarabangsa.
- ★ Mewakili negara dalam Sukan Olimpik 1964.
- ★ Memenangi empat pingat emas dalam Sukan SEAP 1965 dan tiga pingat emas pada tahun 1967.
- ★ Memenangi satu pingat emas pada Sukan Asia Bangkok 1966.



Tan Aik Huang

- Atlet badminton perseorangan negara yang memenangi kejohanan badminton berprestij dunia.
- ★ Pingat emas Sukan SEAP Kuala Lumpur 1965.
- ★ Juara perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Terbuka All England 1966.
- ★ Pingat emas Sukan Komanwel 1966.
- ★ Membantu Malaysia memenangi Piala Thomas 1967.



Mokhtar Dahari

- Legenda bola sepak negara digelar "Supermoh" oleh masyarakat Malaysia atas kecemerlangan dan pencapaian beliau.
- ★ Mewakili negara ke peringkat antarabangsa sebanyak 167 kali. Beliau menjaringkan sebanyak 89 gol.
- ★ Membantu Malaysia menjuarai Piala Kejohanan Pestabola Merdeka pada tahun 1973, 1974 dan 1976.
- ★ Nama beliau tercatat sebagai antara penjaring gol terbanyak pada peringkat antarabangsa.

Pelibatan kepimpinan tokoh sukan serta pencapaian cemerlang atlet negara terdahulu menjadi inspirasi kepada kemajuan sukan negara kini.



Sumber: Fifa.com.



12.3.4
K12.3.5

NOTA GURU

- Bantu murid mengenali tokoh sukan yang menjadi inspirasi sukan negara.

CADANGAN KAJIAN KES

Tajuk: Kepentingan Sukan kepada Pembangunan Negara

Penyataan Masalah

Penganjuran sukan bertaraf antarabangsa mendorong pembangunan negara. Bincangkan.

Objektif Kajian

- Menyatakan sukan antarabangsa yang dianjurkan di negara kita.
- Membuat perkaitan penganjuran sukan antarabangsa dengan pembangunan negara.
- Menghuraikan kesan pembangunan negara kepada rakyat.

Rujukan atau Sumber

- Muzium/arkib/agensi berkaitan.
- Buku/majalah/akhbar.
- Dokumen/laporan/diari.
- Orang sumber.
- Laman sesawang rasmi.

Laporan Kajian

- Tajuk.
- Penyataan masalah.
- Objektif kajian.
- Kaedah kajian.
- Analisis data.
- Hasil dapatan.
- Kesimpulan.
- Rujukan/bibliografi.
- Lampiran.

NOTA GURU

- Bimbing murid melaksanakan kajian kes mengikut format yang ditetapkan.
- Aktiviti boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.
- Laporan kajian disediakan dalam bentuk yang kreatif.



IMBAS KEMBALI

- ★ Peranan persatuan sukan.
- ★ Penganjuran sukan kebangsaan.
- ★ Pencapaian sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- ★ Atlet-atlet kebanggaan negara.

- ★ Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)
- ★ Dasar 1Murid 1Sukan (1M1S)
- ★ Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
- ★ Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)
- ★ Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT)
- ★ Sukan Paralimpik

Pencapaian Sukan Kebanggaan Malaysia

Sukan Alat Perpaduan dan Keharmonian Kaum

Sukan Antarabangsa di Malaysia

Tokoh Inspirasi Sukan Negara

- ★ Sukan SEA
- ★ Piala Thomas
- ★ Hoki Piala Dunia
- ★ Sukan Permotoran
- ★ *Le Tour de Langkawi*
- ★ Sukan Komanwel
- ★ Formula One dan Formula E
- ★ Piala Monsun

- ★ Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
- ★ Ibnu Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah
- ★ Dato' Peter Velappan
- ★ Dato' Sieh Kok Chi
- ★ Atlet terawal yang mengharumkan nama negara:
 - Dr. M. Jegathesan
 - M. Rajamani
 - Tan Aik Huang
 - Mokhtar Dahari

Unit ini memberikan pemahaman tentang pencapaian cemerlang bidang sukan negara serta peranan sukan dalam menyemarakkan perpaduan kaum. Kita perlu bersyukur dengan perpaduan yang terbentuk. Kesedaran ini akan memudahkan pemahaman berkaitan dengan Malaysia dan dunia yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.



FIKIR DAN JAWAB

- A** Lengkapkan jadual pencapaian Malaysia dalam bidang sukan di bawah dengan jawapan yang betul.

Nama Persatuan	Kejohanan yang Dianjur	Antara Atlet Cemerlang	Antara Pencapaian
Persatuan Badminton Malaysia (BAM)			
Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM)			

- B** Pilih jawapan yang betul.

1. Pelibatan pelbagai kaum dalam sukan akan dapat _____
- (a) menjanakan pendapatan negara.
(b) menarik kedatangan pelancong.
(c) memupuk semangat perpaduan.



Le Tour de Langkawi

2. Apakah faedah penganjuran sukan antarabangsa tersebut kepada negara kita?
- (a) Menyumbangkan kutipan pingat emas.
(b) Mempromosikan destinasi pelancongan.
(c) Menarik minat penduduk tempatan untuk menonton.
3. Cipta slogan bagi menghargai jasa dan sumbangan tokoh serta atlet sukan yang mengharumkan nama negara.

Slogan:



IMBAS SAYA

Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Kita harus mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum yang terjalin menerusi pelibatan atlet dan sokongan rakyat. Perpaduan penting untuk memastikan pembangunan sukan negara kita terus mencipta kecemerlangan.

STADIUM BUKIT JALIL

Diri

Mengamalkan sikap saling menghormati antara kaum melalui sukan membolehkan kita menjalani kehidupan yang harmoni.

Masyarakat

Memupuk perpaduan dan keharmonian kaum dalam segenap aktiviti kehidupan akan menjamin kesejahteraan masyarakat.

Negara

Keamanan dan kemakmuran negara dapat dinikmati bersama apabila perpaduan dan keharmonian kaum dapat dikekalkan.